

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan masukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil KSSUP, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam **tidak lewat** dari jam **2.00 petang**, pada hari **Selasa, 19 Mei 2020**.
 - i. **JPt/TAW/01/2020-2021:** **MEMBEKAL BAJA SEBATIAN NPK 15:15:15 BAGI BANTUAN INSENTIF UNTUK KOMODITI PADI.
(Yuran Tawaran \$50.00)**
 - ii. **JPt/TAW/02/2020-2021:** **MEMBEKAL BAJA SEBATIAN NPK 15:15:15 BAGI BANTUAN INSENTIF UNTUK KOMODITI SAYUR, BUAH, FLORIKULTUR, KPLB, PELBAGAI TANAMAN DAN RUMPUT TERNAKAN.
(Yuran Tawaran \$30.00)**
 - iii. **JPt/TAW/03/2020-2021:** **PEMBEKALAN BENIH PADI HIBRID VARIETI SEMBADA188 BAGI PENANAMAN PADI MUSIM UTAMA 2020/2021 DAN LUAR MUSIM 2021.
(Yuran Tawaran \$100.00)**
2. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
4. Dokumen dan borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian dan Agrimakanan Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Yuran Tawaran adalah dikehendaki bagi setiap tajuk dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
8. Tawaran ini dibukakan kepada Syarikat Swasta yang berdaftar dengan Bahagian Pendaftar Syarikat dan Bahagian Pendaftaran, Nama Perniagaan, Kementerian Kewangan.
9. Tawaran yang diiklankan di atas boleh dilayari melalui laman web Jabatan Pertanian dan Agrimakanan seperti berikut:-

Website: <http://www.agriculture.gov.bn>